



KERAJAAN MALAYSIA

# PEMBERIAN KERAJAAN

PIAWAIAN PERAKAUNAN KERAJAAN

**PPK 10**  
**(Disemak 2026)**

**MEI 2026**

**PIAWAIAN PERAKAUNAN  
KERAJAAN**

**PEMBERIAN KERAJAAN**

**PPK 10**

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

# **PPK 10**

## **Pemberian Kerajaan**

Dikeluarkan oleh:

Akauntan Negara Malaysia  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Aras 1-8, Kompleks Kementerian Kewangan  
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62594 Putrajaya.

Tel: 03-88821000

Emel: [uppp\\_pppa@anm.gov.my](mailto:uppp_pppa@anm.gov.my)

Laman web: [www.anm.gov.my](http://www.anm.gov.my)

# KANDUNGAN

<i>Perenggan</i>	<i>Isi Kandungan</i>	<i>Muka Surat</i>
1	Pengenalan	1
2	Tujuan	1
3	Skop	1
4	Latar Belakang	1
5	Definisi Pemberian Kerajaan	1
6	Klasifikasi Pemberian Kerajaan	2
7	Dasar dan Kaedah Perakaunan	4
8	Persembahan dalam Penyata Kewangan	4
9	Tarikh Kuat Kuasa	5

## 1. PENGENALAN

PPK 10 (Disemak 2026) Pemberian Kerajaan menggantikan PPK 10 (Disemak 2012) selaras dengan PPK 2 (Disemak 2025) Pembentangan Penyata Kewangan Kerajaan.

## 2. TUJUAN

Piawaian ini bertujuan untuk menetapkan piawaian perakaunan bagi mengakaun Pemberian Kerajaan selaras dengan kehendak Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

## 3. SKOP

Piawaian ini hendaklah diguna pakai oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi mengakaun pemberian kerajaan yang disediakan berasaskan perakaunan asas tunai ubai suai.

## 4. LATAR BELAKANG

4.1 Piawaian Pemberian Kerajaan adalah garis panduan bagi menyeragamkan amalan perakaunan yang merangkumi definisi, klasifikasi, dasar dan kaedah perakaunan, dan pembentangan dalam penyata kewangan kerajaan berasaskan:

4.1.1 Perlembagaan Persekutuan

4.1.2 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]

4.1.3 Ordinan atau Enakmen Negeri (Jika Berkenaan)

4.1.4 Keputusan Majlis Kewangan Negara

4.1.5 Keputusan Kabinet Negeri atau Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

4.1.6 Arahan Perbendaharaan

4.1.7 Aturan dan peraturan yang berkuat kuasa

4.2 Mana-mana perenggan di dalam piawaian ini yang merujuk kepada peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan hendaklah juga dirujuk kepada peruntukan undang – undang negeri yang berkaitan mengikut mana yang berkenaan melainkan dinyatakan secara khusus.

## 5. DEFINISI PEMBERIAN KERAJAAN

### 5.1 Definisi

Pemberian Kerajaan ialah pemberian tetap atau bantuan kewangan yang diberikan mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Ordinan atau Enakmen Negeri, keputusan Majlis Kewangan Negara atau Kabinet Negeri atau Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, serta aturan dan peraturan kewangan oleh:

- (i) Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan; atau
- (ii) Kerajaan Negeri kepada Agensi Kerajaan Negeri.

## 6. KLASIFIKASI PEMBERIAN KERAJAAN

6.1 Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri mengikut Perlembagaan Persekutuan merangkumi:

### 6.1.1 Pemberian Mengikut Bilangan Orang (*Capitation Grant*)

Pemberian ini dibuat mengikut peruntukan Perkara 109(1)(a) Perlembagaan Persekutuan.

### 6.1.2 Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri (*State Roads Grant*)

Pemberian ini dibuat mengikut peruntukan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan bagi membantu Kerajaan Negeri menyenggara jalan negeri.

### 6.1.3 Pemberian Daripada Kumpulan Wang Rizab Negeri (*State Reserve Fund*)

Kumpulan wang ini ditubuhkan di bawah peruntukan Perkara 109(6) Perlembagaan Persekutuan. Pemberian ini merangkumi:

- i. Pemberian Kepada Negeri Yang Menghadapi Kekurangan Hasil Berbanding Belanja Mengurus (Pemberian Defisit).
- ii. Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup.
- iii. Pemberian-pemberian lain yang ditentukan sebagai perlu oleh Kerajaan Persekutuan selepas berunding dengan Majlis Kewangan Negara.

### 6.1.4 Pemberian Khas Dan Penyerahhakan Hasil Kepada Negeri Sabah Dan Sarawak

Pemberian ini dibuat mengikut peruntukan Perkara 112C(1) Perlembagaan Persekutuan.

#### **6.1.5 Pemberian Bagi Membiayai Perbelanjaan Mengurus Bagi Jabatan-Jabatan Di Bawah Senarai Bersama**

Pemberian ini dibuat mengikut peruntukan Perkara 74(1), 82 dan 108(4)(h) Perlembagaan Persekutuan.

Majlis Kewangan Negara telah menetapkan bahawa Kerajaan Persekutuan akan membiayai sebahagian kos pengurusan perkara-perkara di bawah Jadual Kesembilan (Senarai Bersama), Perlembagaan Persekutuan.

#### **6.1.6 Pemberian Kepada Kerajaan Negeri Kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri Dalam Melaksanakan Projek-Projek Persekutuan.**

Pemberian ini dibuat berasaskan Perkara 80(5) Perlembagaan Persekutuan.

Majlis Kewangan Negara telah menetapkan bahawa Kerajaan Negeri layak menerima sejumlah pemberian kos perkhidmatan di atas pelaksanaan projek pembangunan Persekutuan.

#### **6.1.7 Pemberian Tahunan Kepada Kerajaan Negeri Kedah**

Pemberian kepada Kerajaan Negeri Kedah dibuat mengikut peruntukan Perkara 167(7) Perlembagaan Persekutuan.

### **6.2 Pemberian Kerajaan Persekutuan Kepada Kerajaan Negeri Di Bawah Akta, Ordinan atau Enakmen Negeri serta aturan dan peraturan kewangan yang lain merangkumi:**

#### **6.2.1 Pemberian Pertambahan Hasil**

Pemberian ini dibuat mengikut Akta Pemberian Pertambahan Hasil 1977 [Akta 181]. Pemberian ini meliputi pemberian pertambahan hasil bahagian I dan bahagian II akta tersebut.

Pemberian ini berasaskan prinsip perkongsian hasil iaitu Kerajaan Negeri akan mendapat pemberian ini apabila terdapat pertambahan hasil Kerajaan Persekutuan dalam sesuatu tahun kewangan berbanding dengan tahun sebelumnya.

#### **6.2.2 Pemberian Tahunan Kepada Kerajaan Negeri Selangor**

Pemberian ini dibuat mengikut Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 [Akta 267] dan surat perjanjian berhubung dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Putrajaya bertarikh 20 Julai 1995. Pemberian ini merupakan sebahagian daripada pampasan kepada Kerajaan Negeri Selangor berhubung dengan

penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

### **6.3 Pemberian Kerajaan Persekutuan Atau Kerajaan Negeri Kepada Agensi Lain**

Pemberian ini diberikan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri untuk membantu perbelanjaan mengurus dan pembangunan agensi lain seperti badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, koperasi dan badan-badan bukan kerajaan mengikut Akta, Ordinan atau Enakmen, keputusan Majlis Kewangan Negara atau Kabinet Negeri atau Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, aturan dan peraturan kewangan yang lain.

## **7. DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN**

### **7.1 Perakaunan Pemberian Kerajaan**

#### **7.1.1 Pemberian Kerajaan Persekutuan**

Semua jenis pemberian oleh Kerajaan Persekutuan hendaklah diakaunkan kepada perbelanjaan mengurus kecuali pemberian daripada Kumpulan Wang Rizab Negeri.

#### **7.1.2 Pemberian Kerajaan Negeri**

Semua jenis pemberian oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi Kerajaan Negeri hendaklah diakaunkan kepada perbelanjaan mengurus.

### **7.2 Perakaunan Pemberian Yang Diterima Oleh Kerajaan Negeri**

Semua jenis pemberian yang diterima oleh Kerajaan Negeri hendaklah diakaunkan ke akaun hasil di bawah kategori Terimaan Bukan Hasil kecuali pemberian berikut:

#### **7.2.1 Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri**

Pemberian diakaunkan ke dalam kumpulan wang amanah bagi tujuan penyenggaraan jalan negeri.

#### **7.2.2 Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup**

Pemberian diakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan.

### 7.2.3 Pemberian Pertambahan Hasil (Bahagian II)

Pemberian diakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan.

### 7.3 Pemberian Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri Kepada Agensi Lain yang tidak dibelanjakan

Pemberian yang tidak dibelanjakan hendaklah diperlakukan mengikut ketetapan peraturan kewangan atau syarat pemberian sekiranya ada.

### 7.4 Ofset Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri dengan Kumpulan Wang Pendahuluan

Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri yang perlu dioffset dengan Akaun belum Terima pendahuluan atau pinjaman perlu/hendaklah diperlakukan mengikut ketetapan peraturan kewangan, kelulusan Kementerian Kewangan dan jadual bayaran balik.

## 8. PEMBENTANGAN DALAM PENYATA KEWANGAN

Pembentangan penyata kewangan tahunan hendaklah mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (Disemak 2025) Pembentangan Penyata Kewangan Kerajaan.

### 8.1 Penyata Kewangan

#### 8.1.1 Kerajaan Persekutuan

Pemberian Kerajaan hendaklah dimasukkan sebagai satu butiran Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap di bawah kategori bayaran dalam Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai.

#### 8.1.2 Kerajaan Negeri

Pemberian kerajaan hendaklah dimasukkan sebagai satu butiran berasingan dalam Penyata Akaun Hasil Disatukan atau Penyata Akaun Amanah Disatukan mengikut mana yang berkenaan.

## 9. TARIKH KUAT KUASA

Tarikh kuat kuasa piawaian ini bermula pada tahun kewangan 2026.